

**MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN  
DI ANTARA JABATAN AUDIT NEGARA DAN INSTITUSI AUDIT  
EMIRIYAH ARAB BERSATU**

Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara Jabatan Audit Negara (JAN) yang diwakili oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara dan Institusi Audit Emiriyah Arab Bersatu yang diwakili Y. Bhg. Dr. Harib Saeed Al Amimi, telah berlangsung pada 24 Jun 2010 bertempat di Pejabat Ketua Audit Negara, Putrajaya.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Y. Bhg. Datuk Azizah binti Hj. Arshad, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan), En. Boon Jon Lin, Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan, Tn. Hj. Aziz bin Mohd. Akil, Pengarah Sektor Pengurusan, En. Abd. Wahab bin Ahmad, Pengarah Akademi Audit Negara dan En. Khalid Hamid, Pengarah Audit, Institusi Audit Emiriyah Arab Bersatu.

Perjanjian Persefahaman ini merupakan jalinan kerjasama pertama JAN dengan Institusi Audit dari rantau Timur Tengah. Ia memfokus kepada kerjasama dalam bidang latihan serta pertukaran maklumat, pengetahuan dan kepakaran dalam bidang pengauditan sektor awam melalui program sangkutan, latihan dan lawatan. Kedua-dua pihak berharap hubungan kerjasama yang dimeterai ini dapat memberi manfaat atau *win – win situation* kepada kedua-dua pihak.

